

AXCEL BETAMETHASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Betamethasone Cream.
2. Bagaimana Axcel Betamethasone Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Betamethasone Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Betamethasone Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Betamethasone Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Betamethasone Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan axcel betamethasone cream

Axcel Betamethasone Cream digunakan bagi merawat:

- Ekzema, termasuk *atopic*, *infantile*, *discoïd* dan *stasis eczema*.
- Kegatalan kulit yang kronik seperti prurigo, neurodermatitis termasuk *lichen simplex* dan *lichen planus*.
- Psoriasis (masalah kulit dengan benjolan, rasa kasar, kemerahan pada bahagian yang diliputi dengan sisik kering dan halus berkilauan).
- *Seborrhoeic dermatitis* (keradangan kulit yang selalunya menjejaskan kulit kepala).
- Intertrigo (radang pada lipatan badan).
- Reaksi sensitiviti sentuhan.
- *Discoïd lupus erythematosus* (ruam bersisik yang berulang).
- Generalised erythroderma (kulit merah dan bersisik yang teruk dan meluas akibat penyakit keradangan kulit).
- Gigitan serangga.
- Otitis eksterna (radang pada bahagian luar saluran telinga).

Bagaimana axcel betamethasone cream berfungsi

Betamethasone 17-valerate, merupakan sejenis glukokortikoid sintetik, bertindak dengan mengawal

kadar penghasilan protein. Ia bertindak dengan mengurangkan kemerahan, keradangan, bengkak dan kerengsaan kulit.

Sebelum menggunakan axcel betamethasone cream

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Betamethasone Cream:

- Jika anda alergi terhadap bahan kandungan dalam Axcel Betamethasone Cream.
- Jika anda menghidapi Rosacea (penyakit kulit yang menyebabkan kemerahan di muka anda).
- Jika anda mempunyai jerawat.
- Jika anda menghidapi dermatitis peri-oral (ruam muka yang menyebabkan lebam yang terjadi pada sekitar mulut).
- Jika anda menghidapi jangkitan kulit yang disebabkan oleh virus, kulat atau bakteria.
- Jika ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau didispens oleh ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

– Sebelum menggunakan Axcel Betamethasone Cream

Memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada sebarang ubat-ubatan.

– Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan axcel betamethasone cream

– Berapa banyak harus digunakan

Arahan penggunaan:

- Gunakan dalam kuantiti yang kecil pada kulit yang terjejas 2 atau 3 kali sehari sehingga pemulihan diperhatikan.

- Ia mungkin boleh digunakan sekali sehari atau kurang bagi mengekalkan pemulihan.
- Dalam jangkitan yang lebih serius seperti penebalan plak psoriasis pada siku dan lutut, kesan persediaan ini boleh ditingkatkan dengan membalut kawasan rawatan semalaman dengan plastik jenis politena. Selepas itu, pemulihan dapat diteruskan dengan penggunaan tetap tanpa balutan.

– Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan masa yang sesuai untuk anda mengambil Axcel Betamethasone Cream bergantung kepada keadaan anda.

– Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

– Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan axcel betamethasone cream

– Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

AXCEL BETAMETHASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1%w/w)

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Betamethasone Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

–Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Axcel Betamethasone Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

–Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan terapi topikal dalam jangka masa yang lama dan dos tinggi perlu dielakkan, terutamanya pada bayi dan kanak-kanak apabila pembalut oklusif digunakan atau apabila terdapat lipatan kulit yang terlibat.
- Penggunaan pada kelopak mata mungkin menyebabkan glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata).
- Elakkan penggunaan berlebihan semasa mengandung.
- Jika terdapat sebarang penyebaran jangkitan, doktor anda akan memberhentikan pengambilan ubat ini dan mempreskripsikan ubat yang lain untuk merawat jangkitan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Betamethasone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Perubahan atropik setempat pada kulit seperti tanda regangan, penipisan dan pengembangan salur darah di atas permukaan kulit.
- *Hypercorticism* (*Cushing's syndrome*, kumpulan tanda-tanda dan simptom-simptom yang disebabkan oleh pendedahan berpanjangan terhadap kortisol seperti berwajah bulat, peningkatan berat badan dan kulit yang mudah untuk lebam).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan axcel betamethasone cream

–Penyimpanan

Jauhkan Axcel Betamethasone Cream daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan krim anda di bawah suhu 25°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

–Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

–Rupa dan warna produk

Axcel Betamethasone Cream merupakan krim licin, berwarna putih dan larut air.

–Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Betamethasone Valerate

Bahan Tidak Aktif:

Dehydag wax "O", Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Liquid Paraffin, Cremophor A6,

Cremophor A25, Propylene Glycol, Chlorocresol dan Purified Water.

–Nombor MAL

MAL19890514AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/12/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)201115/00445